



**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

## **NOTA PERCAKAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
DATO' TPr. HAJI MOHD ANUAR BIN MAIDIN  
KETUA PENGARAH  
PLANMalaysia  
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)**

Sempena

**PERHIMPUNAN BULANAN BIL 4/2020 DAN MAJLIS RAMAH MESRA  
BERSAMA WARGA PLANMALAYSIA PADA**

**5 JUN 2020 (JUMAAT)  
13 SYAWAL 1441H**

Masa

**10.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

,أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam 13 Syawal 1441Hijriah dan Salam Sejahtera  
warga PLANMalaysia.

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha TPr Rohani Binti Md Hashim,**

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan),

**Yang Berbahagia Dato' TPr Dr. Zainah Binti**

**Ibrahim,**

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

**Yang Berusaha En Khairulazar Bin Kamarulzaman**

Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara selaku penganjur perhimpunan pada hari ini.

Pengarah-pengarah Bahagian, Ketua-ketua unit serta warga PLANMalaysia yang saya raikan pada hari ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

**PENDAHULUAN**

1. Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, saya dapat berjumpa dan berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan dan Majlis Ramah Mesra bersama Warga PLANMalaysia bagi bulan Jun

2020. Terima kasih kepada warga Bahagian Maklumat Gunatanah Negara dan Bahagian Khidmat Pengurusan yang bertungkus lumus menjayakan program pada hari ini.

2. Saya percaya warga PLANMalaysia telah dapat mengadaptasi kelaziman dengan kaedah perhimpunan dan program kita pada hari ini. Walaupun tidak dapat bersama-sama secara fizikal, melalui kaedah secara maya kita masih lagi mampu bersama dalam perhimpunan bulanan dalam suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri. Liputan warna-warni program kita hari ini diadakan melalui *video conferencing* di setiap aras di Blok F5 ini malah dapat diikuti bersama mereka yang berada di luar pejabat ini khususnya di pejabat-pejabat projek.
3. Apa yang kita laksanakan pada hari ini menunjukkan tempoh Perintah Kawalan

Pergerakan Bersyarat (PKPB) tidak menghalang pelaksanaan program-program jabatan, malah dapat menjana usaha-usaha yang kreatif dan inovatif di kalangan warga PLANMalaysia.

4. Saya secara peribadi berbangga dengan sikap profesional dan semangat yang ditunjukkan oleh warga PLANMalaysia terutama pada awal jendela tahun 2020, di mana berdepan dengan dua cabaran utama iaitu **pertama : menghadapi transisi fungsi jabatan kita dikembalikan semula ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kepada pada awal Bulan April tahun ini dan keduanya : menghadapi cabaran wabak COVID-19.**
5. Alhamdulillah, kedua-dua cabaran tersebut dapat kita tangani dengan baik dimana kita menunjukkan tahap produktiviti yang konsisten dan profesional. Ini membuktikan kecemerlangan

PLANMalaysia walau dimana kita berada dan di dalam apa jua situasi. Saya turut bersyukur ke hadrat Illahi, sepanjang pengetahuan pihak pengurusan, masih tiada rekod di kalangan warga PLANMalaysia mahupun ahli keluarga yang dijangkiti wabak COVID-19 ini. Alhamdulillah dan syabas saya ucapkan.

**YBHG. DATO'/TUAN/PUAN YANG SAYA  
SAYANGI,**

**MERAIKAN PERAYAAN DALAM  
PERSEKITARAN *NEW NORMAL***

6. Suasana sambutan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri begitu uga dengan Pesta Keamatan dan Hari Gawai pada tahun ini sememangnya sangat berbeza pada tahun-tahun sebelumnya. Kita tidak dapat berjemaah bersama-sama di masjid untuk menunaikan solat terawih dan solat

aidilfitri, pulang ke kampung bertemu ayah bonda tercinta dan sanak saudara di kampung, berkumpul beramai-ramai malah difahamkan terdapat pegawai peringkat pengurusan yang tidak dapat merentas negeri pulang ke kampung untuk berhari raya dengan isteri dan keluarga tersayang demi mematuhi arahan **PKPB yang dijangka berakhir pada 9 Jun ini.**

7. Namun begitu, kita perlu kerana kita masih berkesempatan menjadi imam serta membacakan khutbah solat Aidilfitri di rumah masing-masing, masih terhidang juadah enak ketupat rendang untuk dinikmati, masih terjalin salam kemaafan sesama saudara, keluarga dan rakan taulan melalui *video conference* dan saling menghulurkan duit raya menggunakan *online bank transfer*.

8. Teruskan semangat untuk kita meraikan perayaan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita sehinggalah kita dapat membendung penularan wabak ini sepenuhnya. **Kekalkan amalan sedia ada semasa dan selepas pasca COVID-19.** Peranan yang kita lakukan pada masa kini mungkin nampak remeh tapi besar sumbangannya kepada usaha kerajaan dalam memenangi peperangan terhadap virus ini. Malah inilah akan menjadi satu kenangan berharga di dalam kisah hidup kita yang akan kita kongsi pada anak cucu kita suatu hari nanti.

## **AMALAN KERJA YANG KREATIF DAN INOVATIF**

9. Di waktu wabak COVID-19 ini, ketika setiap orang petah memperkatakan mengenai keperluan menjalankan setiap perkara secara



*new normal*, saya secara peribadi berbangga dengan *tagline* **PLANMalaysia : Perancangan Melangkaui Kelaziman** kerana kita telah selangkah ke hadapan bersedia dengan persekitaran ini. Di kala kita mula tertanya-tanya bilakah sebenarnya era transformasi Industri 4.0 sebenarnya kita telah pun berada di era tersebut.

10. Hikmahnya kita sudah mula melaksanakan amalan kerja kita dengan pelbagai cetus idea kreatif dan inovatif. Kita beriltizam menyelesaikan tugas semasa PKP dan PKPB ini melalui pelbagai kaedah baharu yang melangkaui kelaziman kita suatu masa dahulu telah kita terjemahkan dalam persekitaran kerja kita di jabatan seperti:

i. Ada tugas-tugas yang mampu kita laksanakan dengan jayanya dengan

kaedah **Work from Home (WfH)** dengan **kehadiran di pejabat di tahap 70 peratus;**

- ii. kita berjaya **melaksanakan mesyuarat-mesyuarat utama yang melibatkan keputusan penting dapat kita laksanakan menggunakan *video conferencing*** dengan aplikasi seperti Skype for Business (SfB) termasuk Jawatankuasa Kerja MPFN dan Majlis Perancang Fizikal Negara pada 12 Jun 2020;
  
- iii. **penganjuran program dan sesi kursus/seminar atas talian** melalui aplikasi Zoom, Webinar, Live Facebook dan lain-lain platform termasuk **penganjuran Majlis Anugerah**

Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019  
pada 15 Mei 2020;

- iv. Mempercepatkan **proses kelulusan tanpa karenah birokrasi dan kos pentadbiran** yang selama ini kita anggap mustahil untuk hapuskan.
11. Untuk akan datang, **Banyak program utama lain yang diteruskan menerusi pendekatan *new normal***. Sebagai contoh penganjuran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia yang akan disambut pada bulan November ini pastinya berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya namun tetap akan kita pastikan masih meriah dalam persekitaran yang mematuhi arahan yang ditetapkan oleh kerajaan termasuklah menghadkan jumlah penglibatan orang ramai. Mari kita sama-sama fikirkan.

12. Saya juga menyeru semua warga PLANMalaysia **berterusan di dalam mempraktikkan kaedah-kaedah baharu ini dan sentiasa memikirkan idea-idea terkini yang kreatif dan inovatif** dengan merekayasakan teknologi maklumat dan digital. Saya bersama pihak pengurusan sentiasa terbuka menerima cadangan bernas warga PLANMALaysia dan dalam masa yang sama berusaha memastikan kelengkapan *hardware* dan *software* yang mencukupi terutama di dalam menyokong kaedah digitalisasi ini.
13. Walau bagaimana pun, pelaksanaan program kaedah di atas talian ini perlulah **mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh MAMPU bagi memastikan integriti dan kerahsiaan maklumat** terutama yang melibatkan

mesyuarat utama yang berstatus sulit dan rahsia. Prosedur pelaksanaan tersebut juga boleh merujuk kepada **SOP Mesyuarat/FGD atas talian** yang telah dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Projek PLANMalaysia.

## **INTEGRITI MENJALANKAN TUGAS SEMASA PKPB**

14. Merujuk kepada **Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat** telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi **Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2020**. Saya mengharapkan warga PLANMalaysia sentiasa mematuhiya termasuklah bagi mereka yang

dibenarkan untuk bertugas dari rumah '**work from home (WfH)**' .

15. Selain daripada itu, **Sistem Laporan Kehadiran Perintah Kawalan Pergerakan KPKT** perlulah dilaksanakan termasuk kepada pegawai yang dibenarkan '**work from home (WfH)**'. Kegagalan melaporkan diri semasa tempoh tersebut boleh dianggap suatu kesalahan tata tertib.
  
16. Saya juga ingin mengucapkan **tahniah sekali lagi kepada 54 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada 15 Mei yang lepas** yang juga kita masih raikan dengan suasana yang berbeza. Pada saya kecemerlangan para pegawai di PLAN Malaysia masih perlu dihargai dan oleh itu saya memberi cabaran kepada Bahagian

Khidmat Pengurusan untuk meneruskan majlis tersebut semasa PKPB. Tahniah diucapkan.

17. Teruskan prestasi kecemerlangan PLANMalaysia walaupun dimana pun kita diletakkan dan terus memastikan fungsi jabatan kekal relevan. **Jadilah bak kata pepatah, dicampak ke darat menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau, datang dinanti pergi dirindu.**

**WARGA PLANMALAYSIA SEKALIAN,**

### **PROGRAM SEBARAN DAN KERJASAMA**

18. Kita telah menerima beberapa **kunjungan dan lawatan rasmi** daripada pelbagai agensi kerajaan yang mana signifikan membuktikan betapa pentingnya PLANMalaysia di dalam pelbagai aspek termasuklah di dalam

memastikan kelangsungan merencanakan ekonomi negara. Di antara lawatan tersebut seperti :

- i. Lawatan Rasmi YB Tan Sri TPr bin Haji Musa, Menteri Wilayah Persekutuan pada 13 Mac 2020; dan
- ii. Lawatan Rasmi YBhg. Dato' Lokman Hakim b. Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama YBhg. Dato; Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA pada 2 Jun 2020.

19. Selain itu, selaras perpindahan Jabatan dari KWP ke KPKT, dua (2) siri taklimat telah diberikan iaitu :

- i. Taklimat Korporat PLANMalaysia kepada KSU KPKT pada 16 April 2020; dan



- ii. Taklimat Korporat PLANMalaysia kepada YBM KPKT pada 29 Mei 2020
20. Terima kasih kepada Bahagian Korporat dan Lain-lain bahagian yang mengambil inisiatif mempromosikan dan membuat hebahan aktiviti dan program anjuran PLANMalaysia di pelbagai medium terutama di platform digital. Di antara inisiatif yang dilaksanakan :
- i. *Feature article* Sambutan Hari Kebahagiaan 2019 dan di siarkan di dalam FB PLANMalaysia, FB MURNInets dan FB Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan pada 1 Jun 2020 serta penganugerahan sijil Bandar Bahagia 2019;
  - ii. Jabatan juga telah menyiarkan artikel di dalam Facebook PLANMalaysia

sepanjang tempoh PKP. **Sebanyak 84 artikel** telah disiarkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada bahagian-bahagian yang telah menyumbangkan idea kepada penulisan artikel tersebut.

## **WARGA PLANMALAYSIA SEKALIAN,**

### **PENGURUSAN EMOSI SEPANJANG PKP**

21. Masalah emosi merupakan isu utama kesihatan mental rakyat Malaysia. Ketua Pengarah Kesihatan di dalam laporannya bertarikh 19 Mei 2020 memaklumkan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima 8,380 panggilan telefon untuk mendapatkan khidmat kaunseling sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

22. Sebanyak 46.8% pemanggil menghadapi masalah emosi, 20% merasakan kebimbangan terhadap COVID-19, 6.9% menghadapi masalah keperluan asas, 6% masalah keganasan rumah tangga, 2.4% masalah psikiatri dan 0.2% masalah dera kanak-kanak.
23. Lanjutan daripada itu, Unit Integriti selaku urusetia AKRAB PLANMalaysia telah melancarkan poster/ infografik AKRAB PLANMalaysia bagi memberi peluang kepada semua warga PLANMalaysia yang menghadapi masalah emosi dan stress yang terkesan daripada COVID-19 untuk menghubungi ahli AKRAB PLANMalaysia. Poster/infografik tersebut dipaparkan di laman web serta di media sosial PLANMalaysia.

24. Ini merupakan salah satu usaha Jabatan untuk membantu warga PLANMalaysia yang menghadapi masalah dan tekanan emosi, demi kesejahteraan mental dan emosi warga PLANMalaysia.

### **HAL EHWAL SUMBER MANUSIA**

25. saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan tahniah di atas beberapa **pelantikan baharu dan pertukaran di peringkat pengurusan** serta kenaikan pangkat pegawai-pegawai di PLANMalaysia di antaranya ialah :

- i. Pelantikan Pn. Robi b. Desa sebagai Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang bermula 17 Mac 2020;

- ii. Pertukaran En. Mohd Munizam b. Abdul Aziz daripada Pengarah BMGN kepada Pengarah PPZU bermula 17 Mac 2020;
- iii. Pelantikan En. Khairolazhar b. Kamarulzaman sebagai Pengarah BMGN bermula 17 Mac 2020;
- iv. Pertukaran Tn. Hj. TPr Mohktar b. Samadi daripada Pengarah PPZR kepada Pengarah PLANMalaysia@Terengganu bermula 1 Mei 2020.;
- v. Pertukaran Tn. Hj. Aminariff b. Hussin daripada Pengarah PPZT kepada Pengarah PPZR bermula 15 Jun 2020; dan
- vi. Pelantikan En. Mohamed Zamri b. Mohd Zain sebagai Pengarah PPZT bermula 15 Jun 2020.

26. Jabatan juga ingin merakam ucapan terima kasih **dan penghargaan kepada para pegawai PLANMalaysia yang telah bersara.** Sumbangan anda terhadap PLANMalaysia sangat besar dan tidak ternilai ertinya. Di antara pegawai-pegawai yang baru sahaja bersara iaitu:

- i. Tn. Hj. Mohd Ali b. Abu Bakar, Pengarah PLANMalaysia@Terengganu bersara wajib pada 9 April 2020, dan
- ii. En. Azhari b. Jamal, penolong pegawai perancang bandar BMGN bersara wajib pada 25 Mac 2020

**WARGA PLANMALAYSIA SEKALIAN,**

## PENUTUP

27. Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,  
Dalam kelembutan lidah ada juga  
keterlanjuran kata, dan  
Dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan  
dosa.

Dikesempatan ini, **saya ingin menyusun jari mewakili barisan pengurusan tertinggi PLANMalaysia mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada warga PLANMalaysia yang beragama Islam dan dimana anda berada.** Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada para pegawai pegawai yang menyambutnya.

28. Sekali lagi, saya mengingatkan semua warga PLANMalaysia yang saya sayangi agar sentiasa peka kepada arahan kerajaan semasa tempoh PKP ini dan sentiasa menjaga diri dan kesihatan agar kita dapat memberhentikan penularan wabak COVID-19 ini. #stayathome #kitajagakita.
29. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada BMGN selaku penganjur Perhimpunan Bulanan Jabatan pada kali ini. Saya juga mengharapkan kita bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam menjadikan Jabatan kita ini sebagai jabatan yang terbaik. InsyaAllah.

*Dari Kedah ke Pekan Sari  
Beli suasa di Kota Tinggi  
Selesai sudah Perhimpunan ini  
Di lain masa bersua lagi*



Wabillahil taufiq wal-hidayah wassalamualaikum wa rahmatulahi wa barakatuh.

4 Jun 2020